



KENYATAAN MEDIA

PENAFIAN DAN AMARAN BERHUBUNG PENIPUAN MENGGUNAKAN NAMA YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM)

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) ingin menegaskan bahawa pihak kami telah menerima aduan mengenai kewujudan sindiket penipuan yang mempergunakan nama YWM dan Tabung Musa'adah JAKIM-YWM bagi tujuan kutipan sumbangan secara tidak sah.

Modus operandi penipuan ini dilakukan oleh sebuah platform melalui *HubSpot, Inc* di mana orang ramai dijemput menyertai kumpulan *WhatsApp* dan *Telegram*, kemudian diminta atau dipaksa membuat sumbangan dengan janji ganjaran wang tunai sebagai pulangan.

YWM menegaskan bahawa YWM sama sekali **TIDAK PERNAH** menjalin sebarang bentuk kerjasama, perjanjian atau pengiktirafan bersama pihak *HubSpot, Inc* untuk tujuan kutipan Tabung Musa'adah JAKIM-YWM atau Tabung Sa'adah JAKIM-YWM atau mana-mana tabung serta dana wakaf anjuran YWM.

Sehubungan dengan itu, orang ramai **DIINGATKAN DAN DINASIHATKAN** supaya **TIDAK TERPEDAYA** dengan sebarang tawaran, jemputan atau iklan sumbangan wakaf yang disebarkan melalui platform *HubSpot, Inc*, kumpulan *WhatsApp* dan *Telegram*, atau mana-mana saluran yang tidak sah.

Untuk sebarang urusan sumbangan rasmi kepada YWM, orang ramai boleh berurusan melalui:

- Laman web rasmi YWM: www.ywm.gov.my
- Media sosial rasmi YWM:

Facebook : www.facebook.com/YayasanWaqafMalaysia

Instagram : www.instagram.com/YayasanWaqafMalaysia

X : https://x.com/rasmi_YWM

TikTok : www.tiktok.com/@yayasan_waqaf_malaysia

YWM memandang serius perkara ini dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang menyalahgunakan nama Yayasan Waqaf Malaysia dan nama-nama produk YWM untuk tujuan penipuan.

Sebarang maklumat atau aduan berkaitan penipuan ini boleh disalurkan terus ke pihak YWM melalui saluran rasmi kami iaitu emel **info@ywm.gov.my** dan **Whatsapp YWM di talian 019-2007481**

-TAMAT-

Yayasan Waqaf Malaysia
30 Mei 2025
